

# REXOM<sup>TM</sup> WINAMOL TABLET

Paracetamol (250mg, 500mg, 650mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM<sup>TM</sup> Winamol
2. Bagaimana REXOM<sup>TM</sup> Winamol berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOM<sup>TM</sup> Winamol
4. Cara mengambil REXOM<sup>TM</sup> Winamol Semasa menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Winamol
5. Kesan-kesan sampingan
6. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sup>TM</sup> Winamol
7. Maklumat lanjut
8. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
9. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan REXOM<sup>TM</sup> Winamol

- Untuk melegakan demam
- Untuk kelegaan kesakitan ringan hingga sederhana termasuk: sakit kepala, migrain, sakit belakang, kesakitan muskuloskeletal (sakit di bahagian tulang, otot, tendon, ligamen dan saraf) dan sakit tiba-tiba disebabkan oleh kerengsaan atau kerosakan saraf, kesakitan ketika datang bulan, sakit osteoarthritis, sakit gigi, sakit gigi selepas prosedur pergigian/ pengekstrakan gigi, sakit selepas vaksinasi dan ketidakselesaan daripada selsema, selesema dan sakit tekak.

## Bagaimana REXOM<sup>TM</sup> Winamol berfungsi

Paracetamol adalah analgesik dan antipiretik yang bertindak secara sentral dengan sifat anti-radang yang minimum. Ia berfungsi dengan melegakan kesakitan dan mengurangkan suhu yang tinggi dan demam.

## Sebelum menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Winamol

### -Bila tidak boleh menggunakan

Ia tidak boleh digunakan pada individu:

- yang hipersensitif kepada paracetamol atau komponen lain produk ini.
- yang mempunyai kerosakan hati yang teruk dan aktif.

- Mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

- Paracetamol perlu diberikan dengan berhati-hati kepada individu yang mengalami masalah buah pinggang atau fungsi hati.
- Alahan alergi: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Gejala mungkin termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam.
- Ia juga harus diberikan dengan berhati-hati kepada individu yang bergantung pada alkohol.

### Mengandung dan menyusukan anak

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan REXOM<sup>TM</sup> Winamol mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh REXOM<sup>TM</sup> Winamol atau mungkin menjejaskan cara ia berfungsi.

Kesan antikoagulan warfarin dan koumarin lain boleh dipertingkatkan dengan penggunaan harian paracetamol biasa dengan peningkatan risiko pendarahan.

## Cara mengambil REXOM<sup>TM</sup> Winamol

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan REXOM<sup>TM</sup> Winamol seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

#### REXOM<sup>TM</sup> Winamol 250mg Tablet

Bayi sehingga to 3 bulan: 5-10mg per kg/dose, dengan nasihat doktor.

3 bulan – 1 tahun: 60-120mg/dose

1-5 tahun: 120-250mg/dose

6-12 tahun: 250-500mg/dose

Di atas 12 tahun & dewasa: 500-1000mg/dose

Dos ini boleh diulang setiap 4-6 jam jika perlu. Maksimum 4 dos dalam 24 jam.

#### REXOM<sup>TM</sup> Winamol 500mg Tablet

Atas 12 tahun dan dewasa: 1-2 tablets setiap 4-6 jam seperti diperlukan.. Maksimum 4 dos dalam 24 jam.

#### REXOM<sup>TM</sup> Winamol 650mg Tablet

Dewasa: 1 ke 1.5 tablet, 3 - 4 kali sehari atau seperti diarahkan oleh ahli kesihatan. Jangan melebihi 6 tablet dalam satu hari.

### -Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan REXOM<sup>TM</sup> Winamol seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak REXOM<sup>TM</sup> Winamol boleh menyebabkan:

- Muntah
- Sakit perut
- Tekanan darah rendah

- Berpeluh
- Kegagalan hati yang membawa maut
- Kerosakan hati akibat bahan kimia
- Manifestasi utama kegagalan hati seperti penyakit kuning, hipoglikemia (tahap glukosa rendah) dan asidosis metabolic (badan menghasilkan kuantiti asid yang berlebihan)

### Semasa menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Winamol

#### -Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom berterusan selepas mengambil ubat ini.
- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM<sup>TM</sup> Winamol.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

#### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM<sup>TM</sup> Winamol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

#### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Ia tidak mungkin menjejaskan keupayaan sesorang memandu atau menggunakan jentera.
- Elakkan makanan /minuman beralkohol.

### Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, REXOM<sup>TM</sup> Winamol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika simptom berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Reaksi gangguan darah
- Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, angioedema (bengkak di bawah permukaan kulit), Stevens Johnson Syndrome atau Toxin Epidermal Necrolysis

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

### Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sup>TM</sup> Winamol

#### -Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya. Juahi ubat dari kanak-kanak.

#### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### Maklumat lanjut

#### -Rupa dan warna produk

REXOM<sup>TM</sup> Winamol 250mg Tablet  
Tablet berwarna oren, bulat dengan dwi-cembung.

#### REXOM<sup>TM</sup> Winamol 500mg Tablet

Tablet berwarna putih, bulat dwi-cembung tidak bersalut dan ditimbulkan dengan WINAMOL.

#### REXOM<sup>TM</sup> Winamol 650mg Tablet

Tablet kuning, bulat dwi-cembung, ditimbulkan dengan WINAMOL 650.

#### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Paracetamol

- Bahan-bahan tidak aktif  
Tepung jagung.

#### REXOM<sup>TM</sup> Winamol 250mg Tablet

Tepung, Magnesium stearate.

REXOM<sup>TM</sup> Winamol 500mg Tablet  
Sodium starch glycolate, Potassium sorbate, talc, Povidone, Pregelatinized starch, Stearic acid.

REXOM<sup>TM</sup> Winamol 650mg Tablet  
Riboflavine, National starch, Magnesium stearate.

#### -MAL number

REXOM<sup>TM</sup> Winamol 250mg Tablet  
MAL1991 1356XZ

REXOM<sup>TM</sup> Winamol 500mg Tablet  
MAL1991 1400XZ

REXOM<sup>TM</sup> Winamol 650mg Tablet  
MAL19991910XZ

### Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.  
Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park Phase 4, 11900 Penang, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RIMUP**  
02/05/2018

**Nombor Siri**  
NPRA(R4/1)230418/00114